

23 NOV 1996

## M'SIA HARAP ASEAN AKAN PUNYA 10 ANGGOTA TAHUN DEPAN

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia, tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) tahun depan berharap untuk membawa masuk Kemboja, Laos dan Myanmar ke dalam Asean, dan dengan yang demikian menjadikan cita-cita asal Asean untuk menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar mewakili kepentingan seluruh Asia Tenggara satu kenyataan.

"Tanpa keahlian Kemboja, Laos dan Myanmar, Asean tidak sempurna," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Dialog Manila dan pelancaran Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia di sini hari ini.

Katanya, dengan 10 negara Asia Tenggara berkumpul bersama, Asean akan membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai penduduk tergabung seramai 500 juta, iaitu lebih besar daripada Eropah atau Amerika Utara.

"Kita mungkin tidak sekaya mereka, tetapi potensinya amat besar. Kita akan menjadi peserta yang penting dalam Asia dan dunia," katanya kepada kira-kira 500 orang peserta termasuk menteri-menteri Apec.

Dr Mahathir berkata hakikat bahawa Asean akan merayakan ulang tahun ke-30 tahun depan merupakan bukti jelas kepada masyarakat dunia bahawa perpaduan dan persahabatan yang erat boleh wujud di rantau yang mempunyai pelbagai kepentingan ini sekiranya negara-negara yang terlibat sanggup bekerjasama bagi kebaikan rantau ini walaupun terdapat perbezaan di kalangan mereka.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), beliau percaya konsep tersebut akan berjaya dilaksanakan dan pasti akan meningkatkan aliran perdagangan di kalangan anggota Asean serta negara-negara di luar pertubuhan ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Filipina mempunyai banyak persamaan pengalaman dan pengaruh budaya.

"Bukan sahaja rakyat kita serumpun dan mengamalkan nilai-nilai Asia, malah kedua-dua negara juga pernah dijajah oleh kuasa barat di masa lalu," tambah beliau.

"Kita pernah berselisih faham tetapi saya gembira, oleh kerana kedua-dua buah kerajaan kita cuba memahami pendapat satu sama lain, maka kita telah dapat mengawal keadaan, tanpa membenarkan sebarang salah faham menjejaskan hubungan kita," tambah beliau.

Di samping hubungan diplomatik, hubungan ekonomi kedua-dua negara juga telah meningkat dengan luasnya.

Dr Mahathir berkata Filipina merupakan sebuah negara yang perlu diberi perhatian kerana ia mungkin akan menjadi satu lagi "Harimau Asia".

Mengenai faedah-faedah perdagangan antara satu sama lain dalam Asean, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia menggalakkan masyarakat perniagaannya mengadakan lebih banyak usaha sama dan projek pelaburan dengan rakan perniagaan mereka di Filipina.

Penubuhan kilang pemasangan Proton di Pangasinan dan usaha-usaha ekonomi oleh pelabur Malaysia di Filipina merupakan bukti keikhlasan Malaysia untuk melibatkan diri dalam kemajuan ekonomi negara ini, tambah beliau.

Data menunjukkan bahawa Malaysia merupakan pelabur Asia Tenggara yang terbesar di Filipina dengan pelaburan sejumlah RM423 juta pada tahun 1994.

Dr Mahathir berkata pelaburan Malaysia adalah didorong oleh kos pelaburan yang berdaya saing, tenaga kerja yang mahir dan lebih murah serta galakan-galakan yang ditawarkan oleh kerajaan Filipina.

Sebaliknya, pelaburan Filipina di Malaysia berjumlah kira-kira RM11.5

juta.

Dr Mahathir, yang mempelawa pelabur-pelabur Filipina datang ke Malaysia, berkata beliau berharap angka ini akan meningkat berikutan pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-Filipina baru-baru ini dan pelancaran Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia hari ini. -- BERNAMA

SHY KY/sia